

22/06/1998

Keluarga PM tidak dapat keistimewaan

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, jika beliau mengamalkan nepotisme dan kronisme sudah tentu keluarga beliau sendiri menjadi kaya raya sepanjang beliau menjadi Perdana Menteri.

"Saya boleh tunjukkan keadaan keluarga saya, bahkan diskriminasi ditunjukkan kepada mereka, malah kalau mereka minta apa-apa saya akan tentukan mereka tidak mendapatnya.

"Sudah 17 tahun saya menjadi Perdana Menteri dan kalau saya beri kepada keluarga saya sudah tentu semuanya menjadi kaya raya," katanya ketika menggulung perbahasan pada hari terakhir Perhimpunan Agung Umno ke-52, di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini hari ini.

Sebagai contoh, Presidan Umno itu berkata, anak beliau sudah dicalonkan untuk menjadi wakil rakyat, tetapi beliau menolaknya atas alasan dia tidak layak.

Beliau mengakui bahawa anak-anak beliau mendapat peruntukan saham syarikat tetapi itu tidak boleh dianggap kronisme kerana mereka mendapat tidak sebanyak orang lain.

Dr Mahathir berkata demikian sebagai membuat perbandingan dengan sebuah negara jiran di mana anak-anak kepada bekas pemimpin negara itu memperolehi semua kontrak hingga mereka menjadi kaya raya.

Mengenai senarai penerima kontrak projek penswastaan kerajaan yang dikeluarkan Umno semalam, Dr Mahathir berkata ia menunjukkan bukan hanya satu dua orang yang memperolehi faedah, tetapi semua orang.

"Macam-macam orang dapat (dari segenap lapisan). Ada orang dapat tiga kali dan itupun bukan kerana dia tetapi dengan orang lain. Ada nama yang kita tak kenalpun dapat dan ini kerana kita nak agih kekayaan pada semua," katanya.

Beliau mengakui memang ada sesetengah orang mendapat (kontrak) lebih kerana kemampuan dan kebolehan dan bukan kerana pilih kasih.

"Mereka yang tidak berkemampuan tidak boleh diberi (kontrak kerja) kerana ia akan merosakkan semuanya," katanya dan menambah kerajaan kalau boleh mahu mengagihkan semuanya kepada mereka yang berhak mendapatnya.

Mengenai pencapaian dalam bidang ekonomi, Dr Mahathir berkata beliau belum berpuas hati dengan jumlah orang Melayu dan Bumiputera lain dalam kelas menengah.

Menurutnya, kerajaan sangat serius dalam usaha ini kerana kerana kumpulan itu penting untuk masyarakat yang maju.

Katanya, kerajaan akan mempergiatkan usaha melahirkan lebih banyak orang Melayu dalam kelas itu menerusi penubuhan Kementerian Pembangunan Usahawan dan sepanjang masa mencari jalan bagi mencapai matlamat itu.

"Kita bekalkan dengan wang dan sebagainya supaya dapat membantu Bumiputera meningkat ke kelas menengah.

"Tak cukup dengan wang, kita adakan macam-macam cara termasuk sistem francais, yang memberi banyak peluang kepada orang kita memasuki kelas ini," katanya.

(END)